

**PERUTUSAN PENGERUSI**

**YBRS TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR**

**YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING**

**UNTUK MESYUARAT TUJUAN-TUJUAN AM**

**BIL 5/2020 PADA 17 SEPTEMBER 2020**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- i. Pertama, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dan bertemu pada pagi yang mulia ini, bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tujuan-tujuan Am pada kali ke 5 bagi tahun 2020.
- ii. Saya berharap mesyuarat ini dimanfaatkan sebaiknya bagi platform perbincangan antara Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian dan juga Ahli-ahli Majlis untuk kelancaran pentadbiran Majlis Perbandaran Taiping.
- iii. YBhg. Dato' / Tuan / Puan, saya ingin menarik perhatian ke atas beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

## **1.0 PELAKSANAAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020 SECARA ATAS TALIAN OLEH SEMUA ANGGOTA DAN KAKITANGAN MPT**

Seperti yang YBhg. Dato / Tuan / Puan sedia maklum, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 telah bermula pada 7 Julai 2020. YBhg. Ketua Setiausaha Negara melalui surat bertarikh 2 Julai 2020 telah mewajibkan semua Penjawat Awam untuk menjawab Soal Selidik Banci 2020 secara atas talian atau e-Census bermula 7 Julai hingga 30 September 2020.

Bagi memastikan pelaksanaan Banci 2020 secara atas talian dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh kakitangan dan anggota MPT, pihak pengurusan menganjurkan Program e-Census Hour di pejabat masing-masing pada jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengahari, mulai 17 hingga 18 September 2020. Pelaksanaan ini program ini bertujuan memberi ruang kepada semua kakitangan dan anggota MPT untuk menjawab e-Census.

Diharapkan agar penglibatan semua kakitangan dan anggota MPT dalam Banci 2020 akan menyemarakkan dan menjayakan lagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

## **2.0 BANTU ALAM DAN PERSEKITARAN BERSIH, CERIA DAN INDAH MELALUI PROGRAM 'JOM PLOG'**

Sukacita dimaklumkan bahawa MPT akan menganjurkan sebuah projek komuniti berbentuk Plogging secara sukarela dengan kaedah yang berbeza dari kebiasaan iaitu Daftar dan Plog. MPT telah menyediakan pakej Plogging yang boleh dipilih oleh orang ramai sama ada penduduk tempatan ataupun pelawat. Sebanyak 4 lokasi Plogging yang ditetapkan iaitu di Taman Tasik Taiping, Jalan Berek, Bukit Larut, dan Kamunting. Orang ramai yang berminat untuk beriadah melalui aktiviti plogging dan dalam masa yang sama ingin melakukan aktiviti ini secara sukarela boleh mendaftar dalam projek 'Jom Plog' ini.

Untuk keterangan lanjut, maklumat lengkap boleh didapati dengan mengimbas QR Code yang telah disediakan dan sehubungan dengan itu, saya menyeru warga kerja MPT, Ahli Majlis dan orang ramai agar dapat bersama-sama melibatkan diri dalam menjayakan program ini.

### **3.0 MOH LER KITE KE MINI KARNIVAL PENJANA KERJAYA PERKESO PERAK 2020**

Seiring dengan usaha kerajaan dalam membantu pencari kerja khususnya rakyat yang diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19, menerusi inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama MPT akan mengadakan Program Jelajah "Mini Karnival PENJANA Kerjaya PERKESO Perak 2020" di Dewan MPT Kamunting pada 21 September 2020.

Karnival kerjaya ini bakal mengumpulkan lebih dari 20 majikan pelbagai sektor di bawah program PERKESO dan lebih 7,000 jawatan kosong ditawarkan kepada semua golongan termasuk OKU. Selain tawaran peluang pekerjaan terdapat juga beberapa aktiviti menarik seperti Klinik Resume, Kaunseling Kerjaya serta Taklimat #PenjanaGig. Orang awam yang ingin hadir perlu berpakaian kemas serta membawa salinan resume dan sijil kelayakkan akademik yang mencukupi.

Program ini juga bakal dihadiri YB Datuk Seri M. Saravanan a/l Murugan, Menteri Sumber Manusia dan Dato' Jamil bin Rakon, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

## **4.0 TAWARAN DISKAUN 70% PENGURANGAN KOMPAUN KESALAHAN LALU LINTAS**

Bersempena dengan Sambutan Hari Perbandaran Taiping dan Hari Kebangsaan, MPT menawarkan pengurangan (diskaun) bagi bayaran Kompaun / Notis Kesalahan Lalulintas dengan kadar 70% atas kesemua kesalahan lalulintas yang dikeluarkan dibawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MPT 2004.

Tawaran ini berkuatkuasa mulai 14 September hingga 30 September 2020. Orang ramai boleh menyemak Kompaun / Notis Kesalahan Lalulintas di Kaunter Unit Trafik MPT dan mendapatkan tawaran ini di Kaunter Bayaran MPT bermula 8.15 pagi hingga 3.45 petang dan di Kaunter Tiket Zoo Taiping dan Night Safari.

Tawaran ini tidak termasuk bagi Kompaun / Notis yang telah dikenakan tindakan Mahkamah.

## **5.0 GOTONG ROYONG KAWASAN RUMAH RESIDEN BERSAMA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**

MPT dan beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) akan berganding bahu menjalankan aktiviti Gotong Royong kawasan Rumah Residen di Casuarina Inn Taiping pada 19 September 2020. Objektif aktiviti ini adalah menyelamatkan tiang-tiang warisan rumah Residen yang terancam dari kemusnahan akibat ditinggalkan hampir 10 tahun.

Untuk makluman, Casuarina Inn Taiping sebelum ini berfungsi sebagai rumah rehat untuk kegunaan pegawai British sewaktu mereka menjajah Tanah Melayu dan kemudian ditinggalkan apabila negara mencapai kemerdekaan. Pada 12 September 1972, Kerajaan Negeri Perak telah mengambil alih setelah ianya ditinggalkan pihak British dan dijadikan sebagai sebuah Hotel Bajet untuk kegunaan dan kemudahan orang awam serta pelancong.

Upacara perasmian Rumah Rehat Taiping ini dilakukan oleh Almarhum Sultan Idris Shah dan dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Namanya kemudian ditukar kepada Casuarina Inn Taiping sepertimana ianya dipanggil hari ini dan dirasmikan oleh Mantan Menteri Besar Perak, Tajol Rosli pada 20 Mei 2000.